



Ruj. Kami : JPA.BK(S) 134/8/2-9 Jld. 10 (92)
Tarikh : 12 Januari 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**URUSAN PEMANGKUAN PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL
GRED DV29/DV30 KE GRED DV36 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) sedang dalam proses **persediaan pengisian jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) Gred DV36 bagi tahun 2021/2022**. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan maklumat **PPLV Gred DV29/DV30** yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat berikut:-

- 2.1 Telah **disahkan dalam perkhidmatan**;
- 2.2 Dilantik sebagai **PPLV Gred DV29 / naik pangkat Gred DV30** Perkhidmatan Gunasama Persekutuan **pada 31 Disember 2015 dan sebelum.** (tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan DV29 / naik pangkat DV30 berubah kepada tarikh 1 Januari 2016 dan seterusnya);
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi **tiga (3) tahun terkini (2017, 2018 dan 2019) adalah 80% dan ke atas**;
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;

...2/

2.7 Menandatangani Surat Akuan Pinjaman Institusi/Tabung Pendidikan; dan

2.8 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Permohonan hendaklah disertakan bersama dokumen-dokumen berikut:

3.1 **Lampiran A** - Borang Pertimbangan Pemangku Perkhidmatan Gunasama Persekutuan Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV29/DV30 ke Gred DV36;

3.2 **Lampiran B** - Borang Perakuan Ketua Jabatan;

3.3 **Lampiran C** - Surat Akuan Pinjaman Pendidikan;

3.4 **Lampiran D** - Maklumat Perkhidmatan Pegawai (***Softcopy*** perlu **dikemukakan melalui alamat e-mel seperti di perenggan 6**);

3.5 Surat Keputusan **Tapisan Keutuhan SPRM terkini**; dan

3.6 Salinan **Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terkini (2017, 2018 dan 2019)** yang telah disahkan.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** seperti maklumat di **perenggan 3** di atas bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 19 Februari 2021 (Jumaat)** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p. : **Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah**)

5. Dimaklumkan bahawa, menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **perenggan 2** sahaja **dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu dikemukakan)**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. **Encik Ahmad Azizi bin Hj. Nordin** - 03-8885 4304
azizi.nordin@jpa.gov.my
- ii. **Encik Abdul Halim bin Jamaludin** - 03-8885 4278
halim.jamaludin@jpa.gov.my

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : nursara.abdullah@jpa.gov.my